

PENYEBARLUASAN DASAR KERAJAAN DALAM PELAKSANAAN PROGRAM DI SEKOLAH MELALUI FUFT KURSUS DASAR AWAM - DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN.

*Noraini binti Abdullah, PhD
Mazli Hasril bin Hasarudin
Nor Azman bin Mohamed, PhD.
Mohd. Radzi bin Bainan
Maryati binti Athan
Norita binti Hamzah
*Institut Aminuddin Baki,
noraini@iab.moe.gov.my*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap kompetensi Pengetua dan Guru Besar (PGB) berkaitan dengan penyebarluasan dasar kerajaan dalam perancangan strategik dan pelaksanaan program di sekolah berdasarkan empat (4) domain iaitu (i) perancangan, (ii) pelaksanaan dan penyebarluasan, (iii) pemantauan dan penilaian serta (iv) etos atau kebitaraan sekolah. Kajian ini menggunakan kaedah mixed method atau kaedah gabungan kuantitatif dan kualitatif untuk mengumpul data. Data kuantitatif diperoleh dari Instrumen Penyebarluasan Dasar Kerajaan dalam Perancangan Strategik dan Pelaksanaan Program di Sekolah (Instrumen Follow Up Follow Through (FUFT) Kursus Dasar Awam – Dasar Pendidikan Kebangsaan (KDADPK) manakala fasa kualitatif menggunakan soalan terbuka dari instrumen tersebut untuk menerangkan kesignifikanan dapatan kajian yang diperoleh dari fasa kuantitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kompetensi skor tertinggi Pengetua menyebarluaskan dasar kerajaan dalam pengurusan dan kepimpinan sekolah ialah K11 iaitu kompetensi Komitmen (Domain Etos). Ini bermakna pengetua berkeupayaan menunjukkan komitmen dan keterlibatan berterusan dari aspek pengetahuan, komunikasi, persekitaran, nilai dan sosial untuk membudayakan dasar kerajaan di sekolah manakala kompetensi skor terendah pengetua pula ialah K6 iaitu pelaksanaan Latihan Dalaman berkaitan dengan KDADPK kepada warga sekolah. Kompetensi skor tertinggi bagi Guru Besar menyebarluaskan dasar kerajaan dalam pengurusan dan kepimpinan sekolah ialah K12 iaitu membentuk persekitaran dan K13 iaitu membina jaringan dan jalinan (Domain Etos). Ini bermakna guru besar berkeupayaan membentuk persekitaran fizikal yang kondusif bagi mengurus pelaksanaan dasar kerajaan (K12) dan berkeupayaan bekerjasama secara kolaboratif dengan memanfaatkan hubungan baik dengan pelbagai pihak untuk pembangunan organisasi (K13). Manakala kompetensi skor terendah guru besar ialah K10 iaitu membangun kapasiti warga sekolah (Domain Pemantauan dan Penilaian) dalam penyebarluasan dasar kerajaan dan pelaksanaan program di sekolah. Semasa sesi bimbingan FUFT, PGB dibimbing oleh pensyarah pembimbing untuk merancang aktiviti penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi merapatkan jurang skor Instrumen FUFT KDADPK.

Kata kunci: Penyebarluasan dasar kerajaan, pelaksanaan program, kompetensi PGB, FUFT

PENGENALAN

Perkembangan terkini dasar negara memerlukan kita melihat semula sejauh mana sektor pendidikan mampu membina modal insan bertaraf dunia. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah sebuah kementerian yang terikat dengan pelbagai Dasar Awam Negara dan bertanggungjawab menjayakan dasar tersebut di samping dasar-dasar dalaman KPM itu sendiri. Dalam konteks Malaysia, hakikat bahawa pendidikan merupakan faktor unggul dalam membina kerakyatan yang tunggal telah lama disedari. Peranan pendidikan penting dalam memupuk integrasi dan perpaduan kaum. Oleh itu, menerusi Dasar Pendidikan Kebangsaan

(DPK), beberapa strategi telah disusun dan dilaksanakan dalam membentuk perpaduan di negara kita.

Oleh kerana pemimpin sekolah mempunyai keupayaan untuk mendorong atau menghalang proses pembangunan sekolah, maka mereka sesuai menjadi tonggak ‘agen perubahan’ dan bertanggungjawab terhadap proses perubahan di sekolah masing-masing (Fullan,2009). Menurut Fullan 2009, dalam semua fasa proses pembangunan dan penambahbaikan sekolah, kepimpinan sekolah perlu melihat sekolah dalam konteks bersepadau dan menyelaras dengan baik semua aktiviti ketika proses tersebut dilaksanakan. Justeru, untuk memastikan keenam-enam aspirasi murid dapat dicapai dengan jayanya menjelang tahun 2025 (PPPM, 2013 -2025), sekolah perlu sentiasa berada di landasan yang betul dalam melaksanakan dasar-dasar negara amnya dan Dasar Pendidikan Kebangsaan khasnya.

Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) ditakrifkan sebagai pengalaman pembelajaran pemimpin sekolah melalui penglibatan secara formal atau tidak formal dalam pelbagai aktiviti PPB untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran, kepakaran dan amalan nilai serta ciri-ciri profesional yang berkaitan bagi meningkatkan kualiti pendidikan untuk memenuhi keperluan pendidikan abad ke-21 (KPM, 2014). Matlamat PPB adalah untuk membangunkan kompetensi profesional ke arah memantapkan atribut yang diharatkannya agar pemimpin sekolah dapat melaksanakan peranan dan tanggungjawab menyampaikan perkhidmatan dengan lebih berkesan dan cemerlang secara berterusan. Justeru, Jabatan Pengurusan Dasar dan Perancangan (JPDP) telah menggubal kursus PPB untuk membangunkan kompetensi profesional PGB dan seterusnya menterjemahkan visi dan misi KPM dalam program-program yang di laksanakan di sekolah.

TINJAUAN LITERATUR

Modul Kursus Dasar Awam–Dasar Pendidikan Kebangsaan (KDADPK)

Kursus Dasar Awam - Dasar Pendidikan Kebangsaan (KDADPK) yang dikendalikan oleh Jabatan Pengurusan Dasar dan Perancangan (JPDP), digubal untuk meningkatkan kefahaman pemimpin pendidikan terutama di peringkat sekolah yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Dasar Awam dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Kursus ini dapat meningkatkan pengetahuan, pemahaman, keyakinan dan keupayaan pemimpin pendidikan dalam menyampaikan maklumat, melaksanakan program berkaitan dasar awam kepada organisasi dan seterusnya menyebarluaskannya kepada masyarakat umum

Antara objektif Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah bagi menubuhkan satu sistem pendidikan yang dapat memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan budaya, sosial, politik dan ekonomi. Selain itu juga ia turut bertujuan menyatupadukan murid-murid sekolah berbilang kaum dan memenuhi keperluan tenaga rakyat negara ini dalam jangkamasa panjang dan pendek serta melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih. Kemudian diasaskan pula Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam menekankan kepada usaha melahirkan insan yang berilmu dan berakhlik, seimbang dan harmonis, yang boleh mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Justeru, adalah penting untuk semua warga KPM terutama golongan pemimpin organisasi dalam KPM memahami secara mendalam berkaitan penggubalan, penyampaian dan pelaksanaan Dasar Awam dan Dasar Pendidikan Kebangsaan ini. Kekurangan dalam bentuk pengetahuan dan kemahiran pengurusan awam ini merupakan kekangan yang serius dalam usaha kerajaan menjayakan dasar awam di peringkat kementerian dan negara. Objektif modul KDADPK ini ialah:

- i. Memahami konsep, rasional dan matlamat Dasar Awam
- ii. Mengetahui bentuk, kitaran dan sistem penyampaian Dasar Awam
- iii. Memahami perkaitan Dasar Awam dan Dasar Pendidikan Kebangsaan
- iv. Mengaplikasi amalan terbaik sistem penyampaian Dasar Awam dan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Modul ini menegaskan kepentingan pemimpin sekolah untuk menyebarluas dan melaksanakan tindakan yang diperlukan untuk membawa sekolah ke arah kecemerlangan agar dasar dan matlamat KPM boleh dilaksanakan dengan jayanya.

Bimbingan Follow Up Follow Through (FUFT)

FUFT KDADPK yang dijalankan merupakan proses bimbingan oleh pensyarah terhadap keperibadian dan amalan pengetua di sekolah dengan tujuan meningkatkan pelaksanaan program-program dasar kerajaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan di sekolah. Joyce & Shower (2002) dalam bukunya *Student Achievement Through Staff Development* menyatakan bahawa *outcome* yang baik dalam sesuatu program latihan ialah melalui bimbingan yang diberikan kepada seseorang pemimpin itu semasa mereka berada di tempat bertugas masing-masing. Kandungan latihan semasa bersemuka lebih menekankan kepada teori dan perbincangan yang hanya mampu mencapai 10% sahaja hasil pembelajaran. Sekiranya dalam sesi latihan tersebut diberikan panduan dan demonstrasi bagi pelaksanaan, kandungan latihan akan berjaya meningkatkan pencapaian hasil pembelajaran kepada 30%, apa lagi jika pensyarah berupaya memberi peluang kepada peserta untuk membuat amali atau praktikal dan memberikan maklum balas yang berkesan maka hasil pembelajaran akan meningkat kepada 60%. Namun sekiranya terdapat bimbingan secara berterusan melalui *coaching and mentoring* dalam program FUFT selepas kursus di tempat kerja masing-masing, maka hasil pembelajaran boleh mencapai 95% (Joyce & Shower (2002).

Terdapat tiga fasa utama dalam bimbingan yang dijalankan semasa FUFT iaitu *look and listen, leading and execution* (Jamelaa Bibi dan Hamsiah, 2020). Fasa pertama lebih menekankan elemen '*look*' iaitu pensyarah melaksanakan pemerhatian yang berkesan (analisis dokumen dan pemerhatian aktiviti di sekitar sekolah) sama ada DPK dilaksanakan di sekolah bagi menterjemahkan visi dan misi KPM. Seterusnya '*listen*' iaitu PGB membentangkan program-program yang telah dilaksanakan selaras dengan DPK yang telah dijalankan dan berlaku proses perbincangan dua hala untuk mencapai persetujuan program-program yang sesuai dilaksanakan di sekolah. Semasa proses '*listen*' ini, PGB dan pensyarah melihat semula jurang skor Instrumen FUFT untuk memberi bimbingan berfokus kepada PGB. Fasa berikutnya ialah fasa '*leading*' iaitu PGB dibimbing untuk merancang perubahan yang akan dilakukan dengan membangunkan pelan pembangunan jangka panjang (3 tahun) dan jangka pendek (1 tahun). Fasa ketiga ialah fasa '*execution*' iaitu bimbingan pelaksanaan program-program Dasar Pendidikan Kebangsaan yang telah dirancang dan penambahbaikan untuk merapatkan jurang skor Instrumen FUFT KDADPK.

Selain itu FUFT dilaksanakan bagi mencapai tiga (3) objektif iaitu: (i) memastikan terdapat peningkatan dalam aspek pengetahuan, kemahiran, keyakinan dan amalan selepas akhir latihan/kursus; (ii) membuat pemantauan dan bimbingan dalam aspek amalan melalui program *coaching and mentoring*; (iii) memastikan sokongan pembangunan profesional individu diberi kepada setiap PGB.

METODOLOGI

Metodologi kajian membincangkan reka bentuk kajian tindakan dan persampelan kajian yang digunakan untuk memperoleh data, populasi dan sampel kajian bagi fasa kuantitatif dan fasa kualitatif.

Reka bentuk kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap kompetensi PGB berkaitan dengan penyebarluasan dasar kerajaan dalam perancangan strategik dan pelaksanaan program di sekolah berdasarkan empat (4) domain iaitu (i) perancangan, (ii) pelaksanaan dan penyebarluasan, (iii) pemantauan dan penilaian serta (iv) etos atau kebitaraan sekolah. Kajian ini menggunakan kaedah *mixed method* atau kaedah gabungan pendekatan kuantitatif dan kualitatif untuk mengumpul data. Fasa kuantitatif kajian ini menggunakan pendekatan tinjauan untuk mengumpul data berkaitan Instrumen FUFT KDADPK manakala fasa kualitatif menggunakan soalan terbuka untuk menerangkan kesignifikanan daptan kajian yang diperoleh dari fasa kuantitatif.

Kaedah Persampelan

Pemilihan sampel bagi fasa kuantitatif menggunakan kaedah persampelan bertujuan (purposive sampling) untuk mendapatkan maklumat Instrumen FUFT KDADPK. Sampel kajian fasa kuantitatif terdiri daripada 25 orang pemimpin sekolah yang mengikuti KDADPK secara dalam talian pada tahun 2021.

Instrumen Kajian

Alat kajian yang digunakan untuk kajian tindakan ini adalah satu set Instrumen Penyebarluasan Dasar Kerajaan dalam Perancangan Strategik dan Pelaksanaan Program di Sekolah yang telah diubah suai dari Instrumen FUFT *Internationalization Management Course for Educational Leaders* (IMCEL). Instrumen FUFT IMCEL ini digunakan oleh IAB bertujuan membuat penarafan PGB melaksanakan program pengantarabangsaan dalam pengurusan dan kepimpinan di sekolah. Instrumen ini digunakan sebagai garis panduan dan bimbingan dalam melaksanakan program pengantarabangsaan dalam aspek pengurusan dan kepimpinan pendidikan untuk PGB yang telah menghadiri Kursus Pengurusan Program Pengantarabangsaan Untuk Pemimpin Pendidikan yang dilaksanakan oleh IAB.

Instrumen Penyebarluasan Dasar Kerajaan dalam Perancangan Strategik dan Pelaksanaan Program di Sekolah mengandungi item bagi 4 domain dan 13 kompetensi merangkumi aspek(domain) perancangan, pelaksanaan dan penyebarluasan, pemantauan dan penilaian serta etos atau kebitaraan sekolah. Setiap item mempunyai deskriptor tahap kompetensi 1 hingga tahap kompetensi 4. Responden kajian membuat penarafan kendiri berdasarkan item instrumen dan pensyarah pembimbing akan memberi bimbingan secara berfokus berdasarkan instrumen tersebut. Satu set Senarai Semak Penyebarluasan Dasar Kerajaan dalam Perancangan Strategik dan Pelaksanaan Program di Sekolah juga disediakan semasa lawatan FUFT KDADPK.

Bagi fasa kualitatif, dua (2) soalan terbuka Instrumen FUFT Kursus Dasar Awam – Dasar Pendidikan Kebangsaan iaitu:

Soalan 1: Apa pandangan anda mengenai penyebarluasan dasar kerajaan dalam program-program di sekolah?

Soalan 2: Bagaimana anda boleh membuat penambahbaikan terhadap penyebarluasan dasar kerajaan dalam program-program di sekolah anda?

Soalan terbuka dianalisis bagi menentukan tema-tema atau isu-isu yang timbul dalam penyebarluasan dasar kerajaan di sekolah.

DAPATAN LAWATAN FUFT

Bahagian ini memberi tumpuan tentang dapatan yang diperoleh berdasarkan Instrumen FUFT Penyebarluasan Dasar Kerajaan dalam Perancangan Strategik dan Pelaksanaan Program di Sekolah. Selain profil demografi responden, perbincangan juga berkait dengan penarafan kendiri tahap kompetensi PGB dalam menyebar luas dan melaksanakan dasar kerajaan di sekolah. Selain itu, jawapan soalan terbuka instumen FUFT juga akan dibincangkan.

Maklumat demografi PGB

Jawatan dan Jantina

Jadual 1: Jawatan dan jantina responden

	Lelaki	%	Perempuan	%	Jumlah
Pengetua	8	60%	5	40%	13
Guru Besar	6	50%	6	50%	12
Jumlah	14		11		25

Berdasarkan Jadual 1 di atas, responden terdiri daripada 8 orang (60%) pengetua lelaki, 5 orang (40%) pengetua perempuan (45.5%), 12 orang (50%) guru besar lelaki dan 12 (50%) orang guru besar perempuan. Jumlah keseluruhan PGB yang terlibat sebagai responden ialah 25 orang.

Tempoh perkhidmatan

Jadual 2: Tempoh perkhidmatan responden

Tempoh	Bilangan	Peratus
20 -25 tahun	5 orang	20%
26 – 30 tahun	12 orang	48%
Lebih 30 tahun	8 orang	32%
Jumlah	25 orang	100%

Jadual 2 di atas menunjukkan responden yang telah berkhidmat antara 25 - 30 tahun seramai 12 orang (20%), berkhidmat antara 20-25 tahun seramai 5 orang (32%) dan PGB yang telah berkhidmat melebihi 30 tahun seramai 8 orang (32%).

Pengalaman sebagai pentadbir

Jadual 3: Pengalaman responden sebagai pentadbir sekolah

Tempoh Pengalaman	Penolong Kanan	Peratus (%)	PGB	Peratus (%)
0 - 3 tahun	2	8%	13	52%
4 - 6 tahun	11	44%	7	28%
7 - 10 tahun	7	28%	5	20%
Lebih 10 tahun	5	20%	0	0%

Dari sesi pengalaman sebagai pentadbir pula, Jadual 3 menunjukkan responden yang telah berkhidmat sebagai PGB antara 0 – 3 tahun ialah 13 orang (52%), 4 -6 tahun ialah 7 orang (28%), 7-10 tahun ialah 5 orang (20%) manakala tiada responden yang telah berkhidmat sebagai PGB melebihi 10 tahun. Responden yang telah berkhidmat sebagai Penolong Kanan antara 0 – 3 tahun ialah 2 orang (8%), 4 -6 tahun ialah 11 orang (44%), 7-10 tahun ialah 7 orang (28%) dan melebihi 10 tahun ialah seramai 5 orang (20%).

Lokasi sekolah

Jadual 4: Lokasi sekolah responden

Lokasi	Bilangan	Peratus
---------------	-----------------	----------------

Bandar	14	56%
Luar Bandar	11	44%
Jumlah	25	100%

Jadual 4 menunjukkan 14 sekolah (56%) yang terlibat dengan program FUFT ini terletak di bandar dan 11 buah sekolah (44%) terletak di luar bandar.

Penarafan Kendiri Tahap kompetensi PGB

Analisis dekriptif kajian ini melibatkan penggunaan min, peratus dan kekerapan. Interpretasi nilai min bagi setiap konstruk adalah seperti dalam Jadual 5 di bawah

Jadual 5: Interpretasi nilai skor min

Nilai Skor Min	Interpretasi
2.67 – 4.00	Kompeten
1.34 – 2.66	Kurang Kompeten
0.01 – 1.33	Tidak kompeten

Sumber: Laporan Penarafan Kendiri KOMPAS 2.0 IAB (2021)

Jadual 6 menunjukkan Domain, kompetensi dan deskripsi kompetensi bagi PGB dalam penyebarluasan dasar kerajaan dalam perancangan strategik dan pelaksanaan program di sekolah.

Jadual 6: Petunjuk Domain dan Deskripsi Kompetensi

Domain	Kompetensi	Deskripsi
Perancangan	K1 - Kepimpinan	Keupayaan memimpin, meneraju dan menggerakkan warga sekolah secara bersepada untuk melaksanakan program Dasar Kerajaan bagi memastikan matlamat dan hala tuju KPM dicapai.
	K2 - Berfikiran Strategik	Keupayaan berfikir secara kreatif, inovatif dan futuristik untuk melaksanakan program Dasar Kerajaan bagi mencapai hala tuju organisasi dan KPM berdasarkan jangkaan persekitaran masa kini dan masa hadapan
	K3 - Penubuhan Jawatan Kuasa Program	Keupayaan menuahkan Jawatankuasa Pelaksana yang komited bagi menjayakan program Dasar Kerajaan
	K4 - Pematuhan Akta, Pekeliling dan peraturan yang berkuat kuasa	Keupayaan memastikan pematuhan Akta, Pekeliling dan peraturan yang berkuatkuasa dalam melaksanakan aktiviti program Dasar Kerajaan.
Pelaksanaan dan Latihan	K5 - Pelaksanaan Program	Keupayaan mendorong warga sekolah dan/atau pihak berkepentingan melaksanakan aktiviti program Dasar Kerajaan
	K6 - Pelaksanaan Latihan Dalaman	Keupayaan melaksanakan Latihan Dalaman berkaitan dengan pelaksanaan program Dasar Kerajaan (selepas berkursus)
	K7 - Pembangunan Kecenderungan Peribadi	Keupayaan membangunkan kecenderungan peribadi dalam hubungan sosial.
	K8 - Membuat Keputusan	Keupayaan menginterpretasi data, membuat pilihan yang relevan dan mempunyai justifikasi berasaskan maklumat dengan mempertimbangkan pelbagai aspek dan alternatif untuk membuat keputusan

Kompetensi Pengetua	Perancangan				Pelaksanaan dan Latihan			Pemantauan dan Penilaian			Etos (Watak/Kebitaraan Sekolah)			Min
	K1	K2	K3	K4	K5	K6	K7	K8	K9	K10	K11	K12	K13	
P1	3	3	3	4	4	4	4	4	3	3	4	4	4	3.61
P2	3	4	3	3	4	3	3	4	3	3	4	4	4	3.46
P3	4	3	4	4	4	3	4	3	4	4	4	3	4	3.69
P4	4	4	3	4	4	3	3	3	4	3	4	3	3	3.46
P5	4	4	4	4	4	4	4	4	3	4	4	4	4	3.92
P6	3	3	3	3	3	4	4	3	4	3	3	4	3	3.31
P7	3	4	4	4	4	3	4	4	4	4	4	3	3	3.69
P8	3	3	3	3	4	4	3	3	4	3	3	3	3	3.23
P9	4	4	4	3	4	3	4	4	4	4	4	3	4	3.77
P10	3	3	3	3	3	2	3	3	3	2	3	3	3	2.85
P11	4	4	4	3	3	3	4	4	4	4	4	4	4	3.77
P12	3	3	3	3	3	3	3	3	4	4	4	4	4	3.38
P13	3	3	4	3	3	3	3	3	3	3	4	4	4	3.31
Min	3.38	3.46	3.46	3.38	3.61	3.23	3.46	3.46	3.61	3.38	3.77	3.46	3.61	
Pemantauan dan Penilaian	K9 - Pemantauan Menyeluruh							Keupayaan mengawal selia, memantau secara menyeluruh dan menilai kekuatan dan kelemahan aktiviti program Dasar Kerajaan.						
	K10- Membangun Kapasiti							Keupayaan merancang, menyelia dan menilai pembangunan profesionalisme berterusan dalam membangunkan kapasiti / kompetensi sumber manusia						
Etos (Watak/ Kebitaraan Sekolah)	K11 - Komitmen							Keupayaan menunjukkan komitmen dan keterlibatan berterusan dari aspek pengetahuan, komunikasi, persekitaran, nilai dan sosial untuk membudayakan Dasar Kerajaan						
	K12 - Membentuk Persekitaran							Keupayaan membentuk persekitaran fizikal yang kondusif bagi mengurus pelaksanaan Dasar Kerajaan						
	K13 - Membina Jaringan dan Jalinan							Keupayaan bekerjasama secara kolaboratif dengan memanfaatkan hubungan baik dengan pelbagai pihak untuk pembangunan organisasi						

Jadual 7 menunjukkan analisis penarafan kendiri Pengetua menyebarluaskan dasar kerajaan dalam pengurusan dan kepimpinan sekolah secara keseluruhan berada pada tahap **kompeten (min 3.23 – 3.77)**. Dapat secara terperinci menunjukkan kompetensi skor **tertinggi** bagi Pengetua menyebarluaskan dasar kerajaan dalam pengurusan dan kepimpinan sekolah ialah K11 (min = 3.77) iaitu **Komitmen (Domain Etos)** manakala kompetensi skor **terendah** ialah K6 (min= 3.23) iaitu **Pelaksanaan Latihan Dalam** (Domain Pelaksanaan dan Latihan.)

Jadual 7 Kompetensi Pengetua menyebarluaskan dasar kerajaan dalam pengurusan dan kepimpinan sekolah

Jadual 8 Kompetensi Guru Besar menyebarluaskan dasar kerajaan dalam pengurusan dan kepimpinan sekolah

Kompetensi Guru Besar	Perancangan				Pelaksanaan dan Latihan				Pemantauan dan Penilaian		Etos (Watak/Kebitaraan Sekolah)			Min
	K1	K2	K3	K4	K5	K6	K7	K8	K9	K10	K11	K12	K13	
GB1	3	3	3	3	3	3	4	3	3	3	4	4	4	3.31
GB2	3	3	3	3	3	3	4	3	3	3	3	3	3	3.10
GB3	4	4	3	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4	3.77
GB4	4	4	4	4	3	3	4	4	3	4	4	4	4	3.77
GB5	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3.00
GB6	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3.00
GB7	3	3	3	3	3	3	3	3	3	2	3	3	3	2.92
GB8	4	4	4	4	4	4	4	4	4	3	3	4	4	3.85
GB9	3	4	4	4	4	4	4	3	4	3	4	4	4	3.77
GB10	3	3	4	4	3	3	3	4	4	3	2	3	3	3.23
GB11	3	3	3	3	3	3	3	3	4	4	4	4	4	3.38
GB12	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	4	4	4	3.23
Min	3.25	3.33	3.33	3.42	3.25	3.25	3.50	3.33	3.42	3.17	3.42	3.58	3.58	

Jadual 8 menunjukkan analisis penarafan kendiri Guru Besar menyebarluaskan dasar kerajaan dalam pengurusan dan kepimpinan sekolah secara keseluruhan berada pada tahap **kompeten (min 3.17 – 3.58)**. Dapatkan secara terperinci menunjukkan kompetensi skor **tertinggi** bagi Guru Besar menyebarluaskan dasar kerajaan dalam pengurusan dan kepimpinan sekolah ialah K12 (min = 3.58) - **Membentuk persekitaran** dan K13 (min 3.58) – **Membina jaringan dan jalinan** (Domain Etos) manakala kompetensi skor **terendah** ialah K10 (min= 3.17) - **Membangun Kapasiti** (Domain Pemantauan dan Penilaian)

Senarai Semak Penyebarluasan Dasar Kerajaan dalam Perancangan Strategik dan Pelaksanaan Program di Sekolah

Senarai Semak FUFT – Pengetua

Berdasarkan senarai Semak FUFT, secara keseluruhan didapati Pengetua ada melaksanakan sepuluh item atau aspek seperti yang tersenarai dalam senarai semak penyebarluasan Penyebarluasan Dasar Kerajaan dalam Perancangan Strategik dan Pelaksanaan Program di Sekolah.

Aspek pertama iaitu perkongsian profesional berkaitan Kursus Dasar Awam – Dasar Pendidikan Kebangsaan yang dihadiri, seramai 12 orang pengetua (92.3%) menyatakan ada membuat perkongsian dengan warga sekolah manakala 1 orang (7.7%) menyatakan tidak ada membuat perkongsian dengan warga sekolah. Dapatkan temu bual bersama pengetua, perkongsian dengan warga sekolah dilaksanakan semasa mesyuarat/taklimat guru dan staf serta mesyuarat panitia. Bagi aspek kedua iaitu, mempamerkan mandat /akta/pekeliling atau peraturan di papan kenyataan sekolah, 9 orang (69.2%) ada mempamerkan mandat dan peraturan di papan kenyataan, 3 orang (23.1%) menyatakan ada mempamerkan sebahagian mandat dan peraturan dasar kerajaan di papan kenyataan dan 1 orang (7.7%) menyatakan tidak mempamerkan mandat dan peraturan dasar kerajaan di papan kenyataan di sekolah.

Bagi aspek ketiga iaitu aspek menyatakan pelaksanaan kerajaan dalam Perancangan Strategik Sekolah, 12 orang (92.3%) menyatakan ada manakala 1 orang (7.7%) menyatakan tidak ada. Bagi aspek keempat, iaitu papan kenyataan digunakan untuk mempamerkan maklumat berkaitan dasar kerajaan seperti gambar aktiviti/program dan jadual pelaksanaan program, 12 orang (92.3%) menyatakan ada manakala 1 orang (7.7%) menyatakan sebahagian maklumat dan gambar aktiviti/program ada dipamerkan di papan kenyataan sekolah.

Seramai 13 orang pengetua (100%) menyatakan mereka ada melaksanakan aspek kelima iaitu mendorong, menggalak dan membimbang warga sekolah untuk melaksanakan aktiviti/program berkaitan dasar kerajaan di sekolah. Begitu juga seramai 13 orang pengetua (100%) menyatakan mereka ada melaksanakan aktiviti/program dasar kerajaan di sekolah dalam satu pasukan (aspek keenam). Melalui dapatan temu bual, ada pengetua menyatakan mereka memberi sijil-sijil penyertaan kepada murid dan sijil penghargaan kepada guru-guru yang telah menjayakan program-program di sekolah sebagai motivasi dan galakan bekerja dalam satu pasukan.

Seterusnya, bagi aspek ketujuh, semua pengetua (100%) menyatakan mereka ada melaksanakan pemantauan dan penilaian program berkaitan dengan dasar kerajaan. Melalui temu bual, mereka ada menggunakan ‘tools’ atau alat pemantauan seperti *One Page Project Manager* (OPPM) dan juga senarai semak untuk memantau pelaksanaan program-program dasar kerajaan di sekolah. Semua pengetua (100%) juga menyatakan mereka memastikan warga sekolah iaitu guru, murid dan staf sokongan terlibat dengan program berkaitan dengan dasar kerajaan (aspek kelapan). Melalui temu bual, pengetua menyatakan mereka ada menyediakan senarai AJK dan tugas yang perlu dilaksanakan oleh jawatan kuasa tertentu dalam program-program di sekolah bagi memastikan semua warga sekolah terlibat.

Bagi aspek kesembilan iaitu melibatkan ibu bapa dan komuniti setempat dalam program berkaitan dengan dasar kerajaan, semua pengetua (100%) menyatakan mereka melibatkan PIBG dan komuniti setempat dalam melaksanakan program/aktiviti di sekolah. Melalui temu bual, agensi kerajaan, bukan kerajaan dan swasta juga dijemput untuk terlibat sama dalam program/aktiviti besar sekolah seperti Hari Sukan Tahunan, Majlis Anugerah Cemerlang dan Karnival Keusahawanan.

Seterusnya, bagi aspek ke-10, semua pengetua (100%) menyatakan mereka membuat post mortem untuk tindakan penambahbaikan aktiviti/program berkaitan dasar kerajaan di sekolah. Melalui temu bual, pengetua membuat penilaian dan post mortem program atau aktiviti yang dilaksanakan untuk buat penambahbaikan di masa hadapan. Aspek kekuatan program dikekalkan dan cuba perbaiki segala kelemahan yang ada.

Senarai Semak FUFT - Guru Besar

Berdasarkan Lampiran 2, secara keseluruhan didapati guru besar ada melaksanakan sepuluh item atau aspek seperti yang tersenarai dalam Senarai Semak Penyebarluasan Dasar Kerajaan dalam Perancangan Strategik dan Pelaksanaan Program di Sekolah.

Aspek pertama iaitu perkongsian profesional berkaitan Kursus Dasar Awam - Dasar Pendidikan Kebangsaan yang dihadiri, seramai 12 orang (100%) guru besar menyatakan ada membuat perkongsian dengan warga sekolah. Melalui temu bual, guru besar sependapat dengan pengetua di mana perkongsian dengan warga sekolah dilaksanakan semasa mesyuarat/taklimat guru dan staf serta mesyuarat panitia. Bagi aspek kedua iaitu, mempamerkan mandat /akta/pekeliling atau peraturan di papan kenyataan sekolah, 11 orang (91.7%) ada mempamerkan mandat dan peraturan di papan kenyataan manakala 1 orang (8.3%) menyatakan ada mempamerkan sebahagian mandat dan peraturan dasar kerajaan di papan kenyataan.

Bagi aspek ketiga iaitu aspek menyatakan pelaksanaan kerajaan dalam Perancangan Strategik Sekolah, semua guru besar (100%) menyatakan ada berbuat demikian. Hal ini dapat disahkan oleh pembimbang melalui semakan dokumen Perancangan Strategik Sekolah yang ditunjukkan semasa sesi lawatan FUFT dan temu bual. Bagi aspek keempat, iaitu papan kenyataan digunakan untuk mempamerkan maklumat berkaitan dasar kerajaan seperti gambar aktiviti/program dan jadual pelaksanaan program, semua guru besar (100%) juga

menyatakan ada berbuat demikian. Hal ini dapat disahkan oleh pembimbing semasa lawatan sekitar sekolah di mana papan kenyataan sekolah dimuatkan dengan maklumat dasar kerajaan seperti banner, poster dan gambar-gambar aktiviti/program dasar kerajaan.

Seramai 12 orang guru besar (100%) menyatakan mereka ada melaksanakan aspek kelima iaitu mendorong, menggalak dan membimbang warga sekolah untuk melaksanakan aktiviti/program berkaitan dasar kerajaan di sekolah. Begitu juga seramai 12 orang (100%) guru besar menyatakan mereka ada melaksanakan aktiviti/program dasar kerajaan di sekolah dalam satu pasukan (aspek keenam). Melalui temu bual, ada guru besar menyatakan mereka memberi sijil-sijil penyertaan kepada murid dan hadiah kepada pemenang bagi sesuatu program. Guru-guru juga diberi sijil penghargaan kerana dapat melaksanakan sesuatu program dengan jaya dan cemerlang.

Seterusnya, bagi aspek ketujuh, semua guru besar (100%) menyatakan mereka ada melaksanakan pemantauan dan penilaian program berkaitan dengan dasar kerajaan. Melalui temu bual, mereka ada menggunakan ‘tools’ atau alat pemantauan seperti *One Page Project Manager* (OPPM) dan juga senarai semak untuk memantau pelaksanaan program-program dasar kerajaan di sekolah. Ada juga guru besar yang membuat pemantauan secara berkala dengan bertanya secara spontan kepada guru-guru yang terlibat secara formal dan tidak formal.

Semua guru besar (100%) juga menyatakan mereka memastikan warga sekolah iaitu guru, murid dan staf sokongan terlibat dengan program berkaitan dengan dasar kerajaan (aspek kelapan). Melalui temu bual, guru besar juga sependedat dengan pengetua menyatakan mereka ada menyediakan senarai AJK dan tugas yang perlu dilaksanakan oleh jawatan kuasa tertentu dalam program-program di sekolah bagi memastikan semua warga sekolah terlibat dan program dapat berjalan lancar.

Bagi aspek kesembilan iaitu melibatkan ibu bapa dan komuniti setempat dalam program berkaitan dengan dasar kerajaan, semua guru besar (100%) menyatakan mereka melibatkan PIBG dan komuniti setempat dalam melaksanakan program/aktiviti di sekolah. Melalui temu bual, agensi kerajaan, bukan kerajaan, agensi swasta dan wakil rakyat (ADUN) juga dijemput untuk terlibat sama dalam program/aktiviti besar sekolah seperti Hari Sukan Tahunan, Gotong Royong Perdana dan Mesyuarat Agung PIBG.

Seterusnya, bagi aspek kesepuluh, semua guru besar (100%) menyatakan mereka membuat post mortem untuk tindakan penambahbaikan aktiviti/program berkaitan dasar kerajaan di sekolah. Melalui temu bual, guru besar membuat penilaian dan post mortem program atau aktiviti yang dilaksanakan untuk menilai kekuatan dan kelemahan program supaya dapat dibuat penambahbaikan.

Analisis Data Kualitatif

Analisis kajian kualitatif dilakukan untuk menjawab soalan terbuka Instrumen FUFT Kursus Dasar Awam – Dasar Pendidikan Kebangsaan iaitu:

Soalan 1– Apa pandangan anda mengenai penyebarluasan dasar kerajaan dalam program-program di sekolah?

Soalan 2 – Bagaimana anda boleh membuat penambahbaikan terhadap penyebarluasan dasar kerajaan dalam program-program di sekolah anda?

Bagi tujuan menentukan kebolehpercayaan jawapan soalan terbuka, analisis Indeks Cohen Kappa digunakan bertujuan untuk menentukan darjah persetujuan unit analisis dengan tema jawapan responden (Zamri dan Noriah 2003). Penulis memadankan unit daripada jawapan dengan tema yang dominan. Dalam hal ini, penulis telah mendapatkan khidmat tiga

orang pakar analisis kualitatif untuk menentukan Indeks Cohen Kappa dengan mengedarkan borang Persetujuan Tema Soalan Terbuka. Seterusnya, penulis menghitung nilai persetujuan (Indeks Cohen Kappa) daripada borang yang diterima daripada pakar-pakar tersebut. Nilai persetujuan dihitung berdasarkan rumus berikut iaitu:

$$K = \frac{fa - fc}{N - fc}$$

Sumber: Cohen (1968) dalam Zamri dan Noriah (2003):4

di mana K – nilai koefisien Kappa

fa – frekuensi persetujuan

fc – frekuensi bagi 50 peratus jangkaan persetujuan

N – bilangan unit yang diuji nilai persetujuan

Bagi menentukan tahap persetujuan Kappa, nilai yang disyorkan oleh Landis dan Kosh (1977) dalam Zamri dan Noriah (2003) digunakan oleh penulis, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9 di bawah.

Jadual 9 Nilai Kappa dan interpretasinya (tahap)

Nilai Kappa	Interpretasinya
Kurang daripada 0	Sangat lemah
0.00 – 0.20	Lemah
0.21 – 0.40	Sederhana lemah
0.41 – 0.60	Sederhana
0.61 – 0.80	Baik
0.81 – 1.00	Sangat baik

Sumber: Landis dan Kosh (1977) dalam Zamri dan Noriah (2003):3

Nilai min bagi koefisien Kappa yang dihitung adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 10 di bawah ini.

Jadual 10 Nilai persetujuan bagi koefisien Kappa

Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3	Min Koefisien Kappa
$K_1 = \frac{19 - 10}{20 - 10}$	$K_2 = \frac{19 - 10}{20 - 10}$	$K_3 = \frac{17 - 10}{20 - 10}$	$K = \frac{K_1 + K_2 + K_3}{3}$
$= \frac{9}{10}$	$= \frac{9}{10}$	$= \frac{7}{10}$	$= \frac{0.90 + 0.90 + 0.70}{3}$
$= 0.90$	$= 0.90$	$= 0.70$	$= 0.83$

Berdasarkan nilai dalam **Jadual 6**, Indeks Cohen Kappa (K) adalah 0.83. Nilai ini merupakan satu nilai kebolehpercayaan yang sangat baik. Dengan kata lain, unit analisis yang dibuat oleh penulis adalah selari dengan tema yang dikemukakan, berdasarkan persetujuan pakar.

Pandangan PGB mengenai penyebarluasan dasar kerajaan dalam program- program di sekolah

Bahagian ini memaparkan hasil analisis soalan terbuka pertama Instrumen FUFT KDADPK berkaitan dengan pandangan mereka mengenai penyebarluasan dasar kerajaan dalam program-program di sekolah. Hasil analisis menunjukkan empat tema dalam penyebarluasan dasar kerajaan di sekolah iaitu:

Kefahaman

Dapatkan menunjukkan PGB berpendapat penyebarluasan dasar kerajaan dalam program-program di sekolah dapat memberi kefahaman kepada semua warga sekolah terhadap hasrat kerajaan berkaitan sesuatu dasar. Pengetua SM2 memberi pandangan "...sangat baik disebarluaskan dalam program di sekolah kerana dapat memberi kefahaman kepada warga sekolah". Pengetua SM5 juga mempunyai pendapat yang sama dengan menyatakan "...dapat memberi kefahaman yang mendalam kepada semua warga sekolah terhadap dasar-dasar kerajaan...". Guru Besar SK5 pula maklumkan bahawa dasar kerajaan amat penting untuk difahami dan seterusnya dilaksanakan oleh kumpulan sasaran. Bagi Pengetua SM6, menyebar luas dasar kerajaan adalah tugas pengetua sebagai pemimpin sekolah supaya warga sekolah faham tugas mereka sebagai pendidik. Sementara Pengetua SM9 menyatakan "Penyebarluasan dasar adalah keperluan asas kepada program-program di sekolah. Maklumat yang disampaikan akan mudah digarap oleh warga sekolah".

Merealisasikan hasrat/objektif dan matlamat Kerajaan

Analisis soalan terbuka pertama menunjukkan PGB berpendapat penyebarluasan dasar kerajaan dalam program-program di sekolah dapat merealisasi hasrat/objektif dan matlamat kerajaan bagi sesuatu dasar. Hal ini dijelaskan oleh Pengetua SM2 dengan menyatakan "...sangat baik disebarluaskan bagi merealisasikan hasrat kerajaan". Sementara subjek SM11P11 memberi pendapat seperti berikut:

"Penyebarluasan dasar adalah untuk menyampaikan hasrat kerajaan/Kementerian Pendidikan bagi mencapai objektif dan matlamat yang ingin dicapai selain membantu dalam perancangan penyelesaian masalah/isu"

SM11P11/MH/com

Guru besar SK7 pula berpendapat bahawa penyebarluasan dasar dalam program sekolah membantu menjayakan dan merealisasikan kemenjadian sahsiah murid dan kepimpinan warga sekolah beliau. Bagi Pengetua SM6, hala tuju kerajaan dapat dicapai melalui penyebarluasan dasar dalam program di sekolah.

Meningkatkan komitmen

Guru besar SK4 berpendapat penyebarluasan dasar kerajaan dalam program-program di sekolah dapat meningkatkan komitmen seluruh warga sekolah dengan menyatakan "Penyebarluasan dasar kerajaan dalam program-program di sekolah sangat bermanfaat untuk meningkatkan komitmen warga sekolah dan integriti guru". Pendapat beliau disokong oleh Guru besar SK3 dengan menyatakan "...saya berupaya menggerakkan subordinat mematuhi program/dasar di bawah KPM". Pengetua SM7 pula menyatakan "Majoriti guru-guru sekolah ini guru-guru muda, penekanan penyebarluasan dasar kerajaan tiada masalah. Semua guru dan staf terlibat sama". Pengetua SM10 memberi pandangan bahawa perlunya dasar kerajaan disebarluaskan dalam kalangan warga sekolah agar segala maklumat berkaitan dasar dapat dilaksanakan mengikut ketetapan dan dipatuhi sebaiknya. Subjek SM5P5 pula berpendapat penyebarluasan dasar kerajaan dalam program di sekolah dapat mengukuhkan semangat patriotisme warga sekolah seperti ungkapan berikut:

"Dapat memberikan kefahaman yang mendalam kepada semua warga sekolah dan secara tidak langsung akan memperkuuhkan semangat patriotism warga sekolah"

SM5P5/MK/ks

Kaedah sebar luas dasar

Dapatkan analisis soalan terbuka menunjukkan dasar kerajaan disebar luas melalui beberapa kaedah seperti mesyuarat, taklimat dan pelaksanaan program/aktiviti berkaitan dasar

tersebut. Guru besar SK12 menjelaskan bahawa beliau sentiasa membuat penyebarluasan dasar kerajaan melalui taklimat/mesyuarat guru dan staf serta mesyuarat panitia. Pengetua SM8 juga menyokong pendapat ini dengan menyatakan “*Dasar kerajaan sentiasa disebar luas kepada warga sekolah melalui mesyuarat, taklimat dan program-program yang dilaksanakan disekolah*”. Pengetua SM4 pula berpendapat semua program yang dilaksanakan di sekolah adalah untuk menyebarluaskan semua dasar kerajaan. Sementara Pengetua SM13 memberi pandangan bahawa penyebarluasan dasar kerajaan memang berlaku di sekolah tetapi bergantung kepada pihak sekolah untuk menterjemahkannya melalui cara pelaksanaan dalam program-program di sekolah.

Pandangan PGB bagaimana mereka boleh membuat penambahbaikan terhadap penyebarluasan dasar kerajaan dalam program- program di sekolah.

Bahagian ini memaparkan hasil analisis soalan terbuka kedua Instrumen FUFT KDADPK berkaitan dengan pandangan mereka untuk membuat penambahbaikan terhadap penyebarluasan dasar kerajaan dalam program-program di sekolah. Hasil analisis menunjukkan empat tema dalam membuat penambahbaikan penyebarluasan dasar kerajaan di sekolah iaitu:

Pemantauan dan penilaian program/aktiviti sekolah

Hasil analisis soalan terbuka kedua menunjukkan PGB berpendapat penyebarluasan dasar kerajaan dalam program-program di sekolah dapat dibuat penambahbaikan melalui pemantauan dan penilaian program-program yang dilaksanakan di sekolah. Pengetua SM1 berpendapat “...buat post mortem setiap aktiviti dan kaitkan dengan dasar kerajaan”. Subjek SM4P4 menyokong pendapat ini dengan menyatakan seperti berikut:

“Program yang dijalankan akan dibuat post mortem bagi menilai sejauh mana keberkesanan atau kejayaan dalam menyebar luaskan dasar-dasar kerajaan”

SM4P4/PM/mpm

Selanjutnya Pengetua SM3 pula akan membuat penilaian program yang dijalankan dengan menyatakan “*saya akan sentiasa membuat penilaian selepas setiap program yang dilaksanakan dan menambahbaik program tersebut*”. Bagi Pengetua SM6 beliau berpendapat bahawa pemantauan pelaksanaan dasar perlu dibuat dengan menyatakan “...melaksanakan dasar yang berkaitan dan membuat pemantauan dan baiki kekurangan dari masa ke semasa”. Pendapat beliau dipersetujui oleh Pengetua SM8 dengan mencadangkan supaya pemantauan yang lebih serius tentang penyebarluasan dasar di sekolah perlu dibuat.

Aplikasi digital dan laman sosial

Dapatkan menunjukkan PGB bersetuju menggunakan pelbagai medium perhubungan seperti aplikasi digital dan laman sosial untuk membuat penambahbaikan terhadap penyebarluasan dasar kerajaan dalam program- program di sekolah. Guru besar SK6 menyatakan “...penyebarluasan dasar boleh juga dibuat melalui FB sekolah, WhatsApp Group, Instagram sekolah dan telegram...” Guru besar SK9 juga bersetuju dengan pendapat beliau dengan menyatakan “...boleh disebarluaskan melalui laman sosial seperti FB sekolah, telegram atau aplikasi TikTok.”

Selanjutnya, Pengetua SM5 mencadangkan supaya penggunaan saluran media massa digunakan untuk hebahkan program sekolah yang dilaksanakan. Begitu juga Pengetua SM6 dan SM9 mencadangkan supaya pihak sekolah menyebarluaskan dasar kerajaan media komunikasi yang ada seperti FB sekolah, telegram dan kumpulan WhatsApp guru/murid/PIBG.

Melibatkan pihak luar dalam program sekolah

Dapatan soalan terbuka kedua menunjukkan PGB mencadangkan supaya melibatkan pihak luar dalam program atau aktiviti sekolah seperti PIBG, pegawai PPD/JPN/KPM, komuniti setempat, agensi swasta, agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta selebriti. Guru besar SK10 memberi cadangan dengan menyatakan “*...libatkan dengan lebih insentif bersama komuniti dan PIBG serta menggunakan aplikasi digital dalam menyebar luas pelaksanaan program dasar kerajaan di sekolah.*” Pendapat ini disokong oleh guru besar SK2 dengan mencadangkan supaya melibatkan PIBG dan agensi luar dalam program jaringan dan jalinan di sekolah. Pengetua P13 memberi cadangan dengan menyatakan “*...penglibatan pihak luar seperti NGO, jabatan-jabatan kerajaan dalam program di sekolah.*”

Selanjutnya Pengetua SM11 mencadangkan supaya pihak berkepentingan seperti sarana ibu bapa, pihak swasta dan orang perseorangan boleh dilibatkan dalam program di sekolah. Pengetua SM5 juga bersetuju pegawai JPN/KPM dilibatkan dalam program di sekolah. Beliau juga menyatakan penglibatan selebriti dalam program sekolah memberikan impak yang lebih besar dan mendapat sambutan yang lebih meriah seperti frasa berikut:

“Penglibatan pegawai atasaran KPM dan JPN serta selebriti dalam program sekolah memberikan impak yang lebih besar dan mendapat sambutan yang lebih meriah”

SM5P5/PL/sbt

Maklumat di papan kenyataan, banner dan poster

Hasil analisis soalan terbuka kedua menunjukkan PGB bersetuju menyebarluaskan dasar kerajaan menggunakan papan kenyataan di sekolah, *banner* dan poster. Guru besar SK5 mencadangkan supaya lebih banyak poster dan *banner* dasar kerajaan dipamerkan di sekitar kawasan sekolah. Cadangan ini disokong oleh Guru besar SK4 dengan menyatakan “*penambahbaikan boleh dibuat menerusi laman sosial dan iklimkan/budayakan persekitaran kawasan sekolah dengan pelbagai maklumat dasar kerajaan*”. Begitu juga Pengetua SM9 mempunyai pendapat yang sama dengan menyatakan “*...memaparkan makluman dasar dan program yang dilaksanakan di papan kenyataan sekolah dan pamerkan dalam bentuk banner*”. Seterusnya Pengetua SM10 memberi pandangan supaya semua dasar-dasar kerajaan dipamerkan di satu sudut yang ditetapkan agar seluruh warga sekolah boleh mengakses dengan mudah.

PERBINCANGAN

Dapatan analisis Instrumen FUFT menunjukkan bahawa kompetensi skor tertinggi Pengetua menyebarluaskan dasar kerajaan dalam pengurusan dan kepimpinan sekolah ialah K11 iaitu Komitmen (Domain Etos). Ini bermakna pengetua berkeupayaan menunjukkan komitmen dan keterlibatan berterusan dari aspek pengetahuan, komunikasi, persekitaran, nilai dan sosial untuk membudayakan dasar kerajaan di sekolah. Dapatan ini disokong oleh hasil analisis Senarai Semak FUFT dimana semua pengetua (100%) menyatakan mereka ada mendorong, menggalak dan membimbang warga sekolah untuk melaksanakan aktiviti/program berkaitan dengan dasar kerajaan. Melalui dapatan kualitatif, pengetua juga bersetuju penyebarluasan dasar kerajaan melalui program-program si sekolah dapat merealisasikan Hasrat dan matlamat kerajaan dan KPM. Kompetensi skor terendah pengetua pula ialah K6 iaitu pelaksanaan Latihan Dalaman berkaitan dengan KDADPK kepada warga sekolah. Semasa sesi bimbingan, pensyarah pembimbing telah mencadangkan supaya pengetua melaksanakan latihan dalaman kepada guru-guru dan staf sokongan berkaitan dengan rasional, bentuk dan kategori dasar supaya mereka lebih faham peranan mereka sebagai pelaksana dasar.

Kompetensi skor tertinggi bagi Guru Besar menyebarluaskan dasar kerajaan dalam pengurusan dan kepimpinan sekolah ialah K12 iaitu membentuk persekitaran dan K13 iaitu membina jaringan dan jalanan (Domain Etos). Ini bermakna guru besar berkeupayaan membentuk persekitaran fizikal yang kondusif bagi mengurus pelaksanaan dasar kerajaan (K12) dan berkeupayaan bekerjasama secara kolaboratif dengan memanfaatkan hubungan baik dengan pelbagai pihak untuk pembangunan organisasi (K13). Dapatan ini disokong oleh hasil analisis Senarai Semak FUFT dimana semua guru besar (100%) menyatakan papan kenyataan digunakan untuk mempamerkan maklumat berkaitan dasar kerajaan seperti gambar aktiviti/program dan jadual pelaksanaan program. Hal ini dapat disahkan oleh pensyarah pembimbing semasa lawatan sekitar sekolah di mana papan kenyataan sekolah dimuatkan dengan maklumat dasar kerajaan seperti banner, poster dan gambar-gambar aktiviti/program dasar kerajaan.

Selanjutnya, hasil analisis Senarai Semak FUFT, semua guru besar (100%) menyatakan mereka melibatkan PIBG dan komuniti setempat dalam melaksanakan program/aktiviti di sekolah. Melalui temu bual semasa sesi bimbingan, guru besar menyatakan agensi kerajaan, bukan kerajaan, agensi swasta dan wakil rakyat (ADUN) juga dijemput untuk terlibat sama dalam program/aktiviti besar sekolah seperti Hari Sukan Tahunan, Gotong Royong Perdana dan Mesyuarat Agung PIBG.

Walau bagaimanapun, kompetensi skor terendah guru besar ialah K10 iaitu membangun kapasiti (Domain Pemantauan dan Penilaian). Ini bermakna guru besar kurang berkeupayaan merancang, menyelia dan menilai pembangunan profesionalisme berterusan dalam membangunkan kapasiti / kompetensi sumber manusia (guru dan staf sokongan). Semasa sesi bimbingan, pensyarah pembimbing telah mengemukakan beberapa alat kolaboratif PLC kepada guru besar untuk pembangunan sumber manusia yang komprehensif dalam pelbagai aspek secara berterusan.

RUMUSAN

Bagi melahirkan pemimpin sekolah berprestasi tinggi, latihan profesional menjadi kunci utama dalam mengembangkan dan membangunkan kualiti diri dan kemahiran pemimpin sekolah secara konsisten. Berdasarkanuraian analisis data dan perbincangan kajian, PGB berjaya menyebarluaskan dasar kerajaan dan menterjemahkan visi dan misi KPM melalui program dan aktiviti yang dilaksanakan di sekolah. Keupayaan menterjemahkan dasar dan hala tuju organisasi begitu ketara diperoleh peserta selepas mereka mengikuti KDADPK ini. Kesedaran dan keupayaan peserta tentang kerja sepasukan dan memantau secara menyeluruh program yang dilaksanakan di sekolah memberi kelebihan dalam mereka menjalankan tugas masing-masing. Melalui bimbingan FUFT, peserta kursus juga dapat mengenal pasti potensi diri masing-masing dan lebih berkeyakinan dalam menjalankan tugas dan berinteraksi dengan orang lain. Dengan keyakinan yang ada mereka mampu memberi bimbingan dan pementoran kepada subordinat masing-masing untuk membangunkan kapasiti warga sekolah. Sehubungan dengan itu PGB juga menunjukkan komitmen yang tinggi dalam mengupayakan warga sekolah dan komuniti setempat secara bersepada dalam menjayakan program dan aktiviti DPK. Ini menunjukkan bahawa Jabatan Pengurusan Dasar dan Perancangan IAB telah berjaya melaksanakan KDADPK secara bersemuka dan melaksanakan FUFT dengan berkesan.

RUJUKAN

- Anna Grohmaan, Simone Kauffeld. 2013. *Evaluating training programs : Development and Correlates of the Questionnaire for Professional Training Evaluation*, Department of Industrial/Organization and Social Psychology, TU Braunschweig, Germany.

- Brinkerhoff, R. D. 1989. *Evaluating training programs in business and industry*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Creswell, J. W. 2002. *Educational research - planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (2th Ed.). New Jersey: Pearson Merril Prentice Hall.
- Fullan, M. 2009. *The Challenges of Change: Start School Improvement Now*. Corwin Press.
- Institut Aminuddin Baki. (2015b). *Pembangunan Kepimpinan Sekolah (PKepS)*. Negeri Sembilan: Institut Aminuddin
- Institut Aminuddin Baki. 2018. Standard keperibadian dan amalan pemimpin pendidikan berprestasi tinggi. IAB Induk, Bandar Enstek
- Institut Aminuddin Baki. 2020. Standard Kompetensi Pemimpin Sekolah Malaysia 2.0 (KOMPAS 2.0). IAB Induk, Bandar Enstek.
- Institut Aminuddin Baki. 2018. Laporan Pelaksanaan program pelonjakan kepimpinan sekolah (ProPeKS): Inisiatif #87: piagam pemimpin sekolah. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. PADU, Putrajaya
- Institut Aminuddin Baki 2019. Buku Pengurusan FUFT Kursus Kepimpinan Pemimpin Pertengahan.
- Jamelaa Bibi Abdullah dan Hamsiah Mohd. Dahalan. 2020. Keberkesanan FUFT Program InPeKS terhadap keperibadian dan kepimpinan pengetua. *International Journal of Education Training (InjET)* 6(2) November: 1-10 (2020)
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. 2010. Standard kualiti pendidikan Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya
- J. David Cooper. 2009. *Professional Development: An Effective Research-Based Model*. Houghton Mifflin Harcourt Publishing Company.
- Joyce, B., & Shower, B. 2002. *Student achievement through staff development* (3rd ed). Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Kirkpatrick, D.L. 2000. *Evaluating training programs. The four levels – ASTD Handbook of training Design and Delivery*. Virgina: The American Society of Training and Development.
- Martin, Harry J. 2010. Improving Training impact through effective follow-up. Technique and their application. *Journal of Management Development* 29(6): 520-534
- Showers, B., Joyce, B., and Bennett, B. (1987). "Synthesis of research on staff development: A framework for future study and a state-of-the-art analysis." *Educational Leadership*, 45 (3), 77–87.
- Zamri Mahamod & Noriah Hij. Mohd Ishak. 2004. Analisis Cohen Kappa Dalam Penyelidikan, UKM Bangi.